

12 MAR 1999

Singapura-Malaysia

PEGAWAI MALAYSIA DAN SINGAPURA BERUNDING

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 12 Mac (Bernama) -- Pegawai-pegawai kanan Malaysia dan Singapura bertemu di sini semalam sebagai langkah awal ke arah mencari penyelesaian secara pakej terhadap isu dua hala yang telah menjejaskan hubungan kedua-dua negara tahun lepas.

"Pegawai-pegawai itu bertukar-tukar pendapat mengenai perkara dalam pakej itu. Mereka bersetuju untuk bertemu lagi pada satu tarikh kemudian bagi meneruskan perbincangan," kata jurucakap Kementerian Luar Singapura hari ini.

Mesyuarat itu merupakan susulan kepada persetujuan antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong pada 17 Dis tahun lepas untuk membincang isu-isu dua hala secara pakej.

Seorang pegawai Malaysia berkata mesyuarat akan datang akan diadakan di Kuala Lumpur dan tarikhnya sedang ditetapkan.

Delegasi Malaysian ke mesyuarat semalam diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad manakala delegasi Singapura diketuai Setiausaha Tetap Kementerian Luar Tan Chin Tiong.

Isu-isu dalam pakej itu ialah:

- \* kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin Malaysia di stesen kereta api Tanjong Pagar di Singapura;
- \* permintaan Singapura supaya diadakan perjanjian baru mengenai bekalan air;
- \* penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura;
- \* permintaan Malaysia supaya rakyat dari Semenanjung dibenar mengeluarkan simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura;
- \* langkah kerajaan Malaysia tidak membenarkan perdagangan saham Malaysia di Clob International;

Malaysia sudah memberi ikrar akan terus membekalkan air ke Singapura selepas tamat tempoh dua perjenjian mengenainya pada 2011 dan 2061.

Dr Mahathir, selepas mencapai persetujuan dengan Goh semasa persidangan kemuncak Asean di Hanoi, berkata: "Dalam apa hal pun, kita mahu menyelesaikan masalah-masalah ini buat selama-lamanya. Jika kita menyelesaikan satu masalah dan membiarkan masalah yang lain, maka hubungan masih akan terjejas."

Terdahulu hari ini, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata tidak harus ada sebarang tekanan oleh mana-mana pihak dalam mencari penyelesaian.

"Yang penting sekarang ialah sudah ada hasrat untuk mencari penyelesaian. Biarlah ia dibincangkan dalam keadaan tenang.

"Terpulanglah kepada para pegawai. Biarkan pegawai-pegawai berunding dan membincangkan perkara-perkara yang perlu... baru kita tahu apa perkara yang boleh kita putuskan antara satu sama lain. Kalau ada apa-apa, mereka akan lapor kepada peringkat menteri."

-- BERNAMA

TCL YBY NMO